

30 JUL 1996

Kesatuan-Persyarikatan

KESATUAN SEKERJA SEDIA BEKERJASAMA BANGUN NEGARA

KUALA LUMPUR, 30 Julai (Bernama) -- Kesatuan sekerja di sektor awam dan swasta hari ini menyambut baik saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai penglibatan mereka sebagai rakan kongsi dalam Persyarikatan Malaysia.

Sambil menyifatkan kenyataan Dr Mahathir sebagai mengiktiraf peranan penting kesatuan sekerja dalam pembangunan negara, Cuepacs dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) berharap untuk berbincang dengan kerajaan mengenai peranan yang boleh mereka mainkan.

Cuepacs, yang mewakili kesatuan-kesatuan sekerja di sektor awam, mahu Kementerian Sumber Manusia menubuh sebuah jawatankuasa untuk menjelaskan skop penglibatan kesatuan sekerja dalam Persyarikatan Malaysia.

Presiden Cuepacs Encik Mohamed Mat Jid berkata Akta Kesatuan Sekerja perlu dipinda bagi membolehkan kesatuan sekerja menubuhkan syarikat perniagaan.

"Selama ini kita tidak berpeluang menceburkan diri dalam persyarikatan Malaysia dengan begitu serius kerana belum pernah dibincangkan sama ada dalam Cuepacs mahupun dengan Kerajaan," katanya kepada pemberita selepas perasmian Persidangan Perwakilan Majlis Bersama Kebangsaan (Pihak Pekerja) di sini. Persidangan itu dirasmikan oleh Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek.

Perdana Menteri, ketika berucap merasmikan Dialog Antarabangsa Langkawi malam semalam, mengajak kesatuan sekerja di negara ini bekerjasama lebih rapat dengan kerajaan, sektor awam dan sektor swasta bagi menjayakan Persyarikatan Malaysia dalam perkongsian bijak untuk mempercepatkan proses kemajuan negara.

Mohamed percaya kenyataan Perdana Menteri itu akan membolehkan Cuepacs dan anggota gabungannya mengambil bahagian dalam Persyarikatan Malaysia kerana selama ini mereka tidak mengetahui skop yang boleh disertai oleh mereka.

"Sekarang kita tidak boleh berniaga. Kita harap Akta Kesatuan Sekerja akan dipinda untuk membolehkan kesatuan sekerja menubuhkan syarikat dan ini akan dibincangkan dengan Kementerian Sumber Manusia," katanya.

Setiausaha Agung Cuepacs Encik N. Siva Subramaniam berkata peranan Cuepacs dalam idea baru Perdana Menteri itu amat luas.

Ia bukan hanya bertumpu kepada soal perniagaan sahaja tetapi menjadi rakan kongsi kepada usaha memajukan Malaysia, katanya.

"Cuepacs percaya kepada konsep bahawa semua kesatuan sekerja di Malaysia harus mencebur dalam bidang ini kerana kita percaya jika kita mahu Malaysia maju, kita mesti bersatu padu dan bergabung dengan kerajaan," katanya.

Presiden MTUC Zainal Rampak berkata MTUC sentiasa mahu mengadakan dialog dengan Perdana Menteri untuk berbincang mengenai ekonomi negara, dasar-dasar kerajaan termasuk Persyarikatan Malaysia.

"Melalui dialog itu kami berharap untuk mendengar pendapat beliau mengenai apa saja yang beliau fikir sesuai untuk dibincangkan dengan kami.

"Kami bukan semata-mata berjuang untuk sara hidup tetapi juga mengambil berat dengan kepentingan dan kesejahteraan negara," kata beliau kepada Bernama.

Zainal berkata berbanding dengan kesatuan sekerja asing termasuk di negara-negara maju, kesatuan sekerja di Malaysia lebih bertanggungjawab dalam perhubungan mereka dengan majikan.

Kebanyakan isu-isu antara majikan dengan pekerja berjaya diselesaikan melalui rundingan secara langsung, kata beliau.

"Tidak seperti kesatuan Sekerja asing yang selalunya memilih untuk mengadakan tindakan industri seperti mogok. Pekerja-pekerja di sini bersedia untuk duduk semeja berunding dengan majikan," kata beliau.

Dalam ucapan beliau itu, Perdana Menteri juga menyebut tentang kesatuan sekerja antarabangsa yang tidak suka melihat kerjasama antara pekerja dengan majikan.

Kata beliau cara mereka membantu pekerja untuk mendapat pendapatan yang lebih ialah "melalui konfrontasi dan tindakan industri. -- BERNAMA

AZZ WAT